

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN : NO. 244

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status cadangan menggubal Akta Amanah Warisan Negara (AWaN), dan adakah ia akan merangkumi objektif melindungi dan mengawal selia kawasan-kawasan hijau selain daripada Taman Tugu.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Taman Tugu merupakan suatu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) bukan berasaskan keuntungan yang diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad dengan kerjasama beberapa Kementerian dan Agensi awam, syarikat swasta dan organisasi bukan berasaskan keuntungan (NGO). Perancangan bagi projek tersebut telah bermula sekitar tahun 2015 dan dilancarkan pada awal tahun 2016.

Buat masa ini, terdapat dua komponen utama bagi Projek Taman Tugu iaitu:

1. Taman Tugu – sebuah tanah rimba seluas 66 ekar di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur untuk dijadikan “green lung” bagi kegunaan orang ramai; dan
2. Badan Pemegang Amanah - sebuah badan pemegang amanah kebangsaan untuk memilik, mengurus dan melindungi Taman Tugu serta aset-aset lain yang mempunyai nilai warisan, termasuk warisan alam semula jadi.

SOALAN NO. 244

Komponen pertama projek ini telah mula dibuka kepada orang ramai secara berperingkat yang mana setakat ini, 40 ekar yang merangkumi denai rimba sepanjang 4.0 km yang dibuka setiap hari kepada orang ramai secara percuma. Keseluruhan tapak Taman Tugu disasarkan siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Bagi komponen kedua projek ini pula, sebuah badan pemegang amanah telah diperbadankan sebagai Amanah Warisan Negara (“AWAN”) pada 10 Januari 2018 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] di bawah bidang kuasa Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (“BHEUU-JPM”). Tujuan penubuhan AWAN dan peranan utamanya adalah seperti berikut:

1. Memiliki dan melindungi tanah, bangunan dan aset (kemudahan) di Taman Tugu; dan
2. Mengurus (mengendalikan), memantau dan menyelenggara Taman Tugu

Untuk tempoh jangka panjang, objektif AWAN adalah untuk melaksanakan projek-projek lain yang melibatkan pembaharuan dan pengendalian kawasan awam terpilih serta aset-aset warisan lain yang penting untuk negara.

Konsep dan penubuhan serta tadbir urus AWAN dimodelkan berdasarkan badan pemegang amanah “National Trust for Places of Historic Interest or Natural Beauty” atau National Trust UK. National Trust UK didaftarkan bawah Akta Syarikat (UK), 1862, sebagai “persatuan bukan berasaskan keuntungan”. Seterusnya, ia telah diperbadankan oleh sebuah Akta Parlimen berasingan, iaitu National Trust Act UK.

Memandangkan aset-aset yang bakal dipindahkan ke AWAN merupakan aset-aset awam warisan kebangsaan, seperti aset Taman Tugu, suatu Akta baharu yang khusus telah dicadangkan berdasarkan National Trust UK Act.

SOALAN NO. 244

Buat masa ini, cadangan penggubalan suatu Rang Undang-undang (“RUU”) masih dipertimbangkan dan diteliti oleh pihak yang berkenaan untuk memastikan polisi dan parameter yang dirangkakan dalam akta baharu ini adalah jelas, relevan dan praktikal. Kerajaan juga akan menetapkan Kementerian yang bersesuaian yang akan bertanggungjawab terhadap akta tersebut kelak.

Cadangan penggubalan RUU “Amanah Negara” akan menyediakan amalan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti yang lebih baik bagi pengurusan AWAN untuk mengurus aset-aset bernilai warisan kebangsaan dan semulajadi yang telah dipindahkan bawahnya.

Sekian, terima kasih.